

ABDULLAH -SWASTA

(1)

1983

KUALA LUMPUR, 25 OGOS (BERNAMA) -- SEBUAH JAWATANKUASA ANTARA JABATAN TELAH DIBENTUK UNTUK MENGGUBAL RANCANGAN MEMILIH DAN MELAKSANAKAN DASAR PENGSWASTAAN, KATA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI HARI INI.

JAWATANKUASA ITU YANG DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA PENGARAH UNIT PERANCANGAN EKONOMI TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMAD KINI SEDANG MENKKAJI BIDANG DAN KEGIATAN-KEGIATAN YANG BOLEH DIPINDAHKAN KEPADA SWASTA, KATANYA DIMAJLIS JAMUAN TENGAHARI PERSATUAN EKONOMI MELAYSIA DI SINI.

KATANYA ASPEK-ASPEM LAIN YANG SEDANG DIKAJI OLEH JAWATANKUASA ITU TERMASUK MEMPASTIKAN PERLAKSANAAN DASAR PENGSWASTAAN ITU SEJAJAR DENGAN DASAR EKONOMI BARU.

DALAM HUBUNGAN INI KESAN KEWANGAN, HARGA PERKHIDMATAN AWAM SERTA KEBAJIKAN PEKERJA AKAN DITIMBANG.

BEBERAPA BUAH JAWATANKUASA KERJA TEKNIK KATANYA AKAN DITUBUHKAN BAGI MENKKAJI BUTIR-BUTIR PENGSWASTAAN DALAM BERBAGAI-BAGAI SEKTOR EKONOMI. --LAGI 1945/JD

ZCZC B717

ABDULLAH- SWASTA 2 KUALA LUMPUR

UNTUK MEMPERCEPAT PERLAKSANAAN BEBERAPA AGENSI TELAH PUN DIMINTA MEMULAKAN KAJIAN BIDANG-BIDANG YANG BOLEH DISERAHKAN KEPADA SWASTA DAN SEMUA USAHA-USAHA INI AKAN DISELARASKAN OLEH JAWATANKUASA-JAWATANKUASA TERSEBUT.

MENYENTUH TENTANG KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA, DATUK ABDULLAH BADAWI BERKATA JABATAN-JABATAN YANG BERHUBUNG RAPAT DENGAN SWASTA TELAH PUN DIARAHKAN SUPAYA MENKKAJI DASAR MASING-MASING DAN MEMPERBAIKI PROSEDUR.

PENGLIBATAN KALANGAN SWASTA DALAM USAHA MENGGUBAL DASAR JUGA PATUT DIGALAKKAN DAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA YANG DIWAKILI OLEH KALANGAN SWASTA DILIBATKAN DENGAN USAHA MENINGKATKAN KERJASAMA, KATANYA.

DATUK ABDULLAH BADAWI BERKATA KEJAYAAN PELAKSANAAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA INI BERGANTUNG KEPADA PERUBAHAN SIKAP, CARA BEKERJA DAN PROSEDUR DALAM KEDUA-DUA SEKTOR AWAM DAN SWASTA YANG BERKENAAN. --BERNAMA 1948/JD